

Dr. Adham dipilih bawa usul pendidikan Pemuda UMNO

UM - 7 JUN 2002

KUALA LUMPUR 6 Jun — Pergerakan Pemuda UMNO akan membawa usul pendidikan yang hangat diperkatakan sejak akhir-akhir ini ke Perhimpunan Agung parti selama tiga hari bermula 20 Jun ini di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata, Pengerusi Biro Pendidikan, Dr. Adham Baba dipilih menjadi jurucakap.

“Dr. Adham akan mewakili Pemuda UMNO dengan membawa usul pendidikan pada perhimpunan itu nanti,” katanya kepada pemberita selepas mesyuarat selama tiga jam di Menara Datuk Onn di sini.

Isu pendidikan heboh selepas peningkatan mendadak kemasukan pelajar bumiputera ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) 68.9 peratus menerusi dasar meritokrasi yang melepasi kuota 55 peratus sebelum ini.

Isu pendidikan semakin ‘panas’ dengan pelaksanaan dasar terbuka kerajaan memperuntukkan kuota 10 peratus kepada bukan bumiputera ke Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan Program Matrikulasi.

Perlembagaan

Menurut Hishammuddin, mesyuarat turut menetapkan Penolong Bendahari Pemuda, Wan Khairil Anuar Wan Ahmad sebagai jurucakap bagi usul terima kasih ucapan dasar Presiden UMNO.

Usul Agama/Sosial akan dibawa oleh Pengerusi Biro Agama Shamsul Najmi Samsuddin manakala Penolong Setiausaha Zulkifli Alwi sebagai jurucakap Pemuda pada Perhimpunan Agung Khas pindaan perlembagaan Puteri UMNO.

Perhimpunan Agung Pemuda 19 Jun ini yang disertai 690 perwakilan akan memfokus kepada perbahasan usul terima kasih ucapan dasar ketua pergerakan itu.

Beberapa program turut diatur oleh Pemuda semasa perhimpunan agung parti antaranya Ekspo Usahawan Muda di Dewan Tun Razak 3, Pusat Dagangan Dunia Putra.

Pameran “Misi Bantuan Afghanistan” dan “Program Pemuda Masuk Kampung” akan dirasmikan oleh Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada pagi 18 Jun.

Perhimpunan Agung Pemuda akan dirasmikan serentak bersama Perhimpunan Agung Wanita dan Konvensyen Puteri oleh Timbalan Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada malam 18 Jun.